

Ahli Umno diingat terus banteras politik wang

KUALA LUMPUR: Ahli Umno perlu ada rasa tanggungjawab untuk mengelak dan tidak membenarkan sama sekali berlaku amalan politik wang dalam pemilihan parti seperti diingatkan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pelbagai usaha dan langkah sudah diambil pucuk pimpinan parti sebelum ini dalam menangani masalah itu dan sepatutnya ia tidak berlaku lagi.

Beliau berkata, ahli Umno perlu sedar parti tidak berkompromi terhadap mereka yang terbabit dengan politik wang dalam usaha merebut sesuatu jawatan.

Katanya, sebelum ini sudah ramai ahli parti yang terbabit dengan amalan politik wang dalam pemilihan diambil tindakan termasuk dipecat daripada jawatan parti.

"Oleh itu, setiap ahli parti perlu ada rasa tanggungjawab untuk menjauhkan diri daripada terbabit dengan politik wang.

"Kita perlu tunjukkan semangat menjaga parti dan pemilihan berjalan tanpa unsur rasuah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai kempen pemilihan dalam Umno yang sering dihantui masalah politik wang.

Kelmarin, akhbar melaporkan, Datuk Seri Najib Razak meminta ahli Umno yang berkempen untuk mendapat tempat dalam pemilihan parti, supaya menghentikan perbuatan itu berikutan keputusan Majlis Tertinggi (MT) menangguhkan pemilihan sehingga selepas pilihan raya umum akan datang.

Sambil mengakui wujud unsur berkempen pada peringkat bawah, Timbalan Presiden Umno itu berkata, tiada lagi keperluan berbuat demikian kerana pemilihan hanya diadakan selepas pilihan raya umum.

Ditanya bahawa senario kempen sudah bermula di peringkat bawahan, Muhammad berkata, semua itu kerja yang membuang masa dan sia-sia.

Katanya, sepatutnya semua ahli parti dan wakil rakyat memberi tumpuan kepada program yang sudah dibentangkan Perdana Menteri menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Agenda sekarang ialah menayakan kerja yang sudah diatur kerajaan mengikut RMK-9 serta mengukuhkan parti pada semua peringkat bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Jadi, buat apa kita (ahli Umno) begitu memberi keutamaan berkempen bagi pihak tertentu untuk mendapat tempat dalam parti.

"Semua itu belum tentu dipilih (perwakilan) dan tidak ada sebab untuk bersungguh-sungguh berkempen kerana pemilihan parti ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum akan datang," katanya.